

Nik Aziz minta negara Islam bersatu tekan Israel

KOTA BHARU 21 Julai - Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta semua negara Islam bersatu untuk menekan Israel agar tidak terus "menghalalkan" pencerobohan regim itu terhadap mana-mana negara Islam.

"Cukuplah...cukuplah dia (Israel) menzalimi Palestin dan kini rakyat Lebanon pula. Marilah kita bersatu," katanya ketika berucap sewaktu mengetuai demonstrasi membantah serangan tentera regim Israel terhadap Palestin dan Lebanon disini hari ini.

Seramai lebih 5,000 penyokong PAS mengadakan demonstrasi secara aman kira-kira lebih sejam di hadapan pejabat PAS yang turut dihadiri pemim-pemimpin PAS Kelantan.

Penyokong PAS kemudiannya membakar bendera dan replika patung pemimpin-pemimpin regim Israel, serta Amerika Syarikat dan Britian yang didakwa menjadi dalang dalam pencerobohan itu.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan itu berkata, Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu bertindak segera bersama negara Islam lain agar dapat menyelamatkan dua negara Islam itu.

"Lebih lama kita berdiam diri akan lebih ramai rakyat tidak berdosa menjadi mangsa Israel yang kejam itu," katanya.

-Bernama